



Kenyataan Media

KOTA KINABALU

28 Julai 2023

PUSAT EKONOMI DIGITAL (PEDI) DI SABAH MASIH BEROPERASI DAN WIFI KOMUNITI DINIKMATI DI DALAM PEDI

Susulan laporan portal Sabah News Today pada 23 Julai 2023 mengenai ratusan ribu pelajar di luar bandar yang terjejas akibat penamatan khidmat jalur lebar secara percuma di negeri Sabah, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin menegaskan bahawa Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di Sabah masih beroperasi seperti biasa dan ketersediaan Wifi Komuniti masih boleh dinikmati di dalam kawasan PEDi.

MCMC amat prihatin akan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar di luar bandar dan mengesyorkan para pelajar untuk menggunakan kemudahan yang telah disediakan di PEDi sebagai alternatif yang sesuai untuk pembelajaran dan perkongsian pengetahuan buat masa ini. PEDi merupakan tempat yang kondusif untuk mengejar ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran digital dalam era teknologi yang semakin maju.

Sebelum ini, PEDi dilengkapi dengan konfigurasi *Hub* dan *Spoke* yang mana PEDi berfungsi sebagai *Hub* manakala perkhidmatan wifi yang kini dikenali sebagai Wifi bertindak sebagai *Spoke*. Wifi Komuniti ini disambungkan dengan PEDi melalui teknologi tanpa wayar dan setiap PEDi dikonfigurasikan dengan capaian kelajuan minimum 20Mbps yang dikongsikan di seluruh *Hub* dan *Spoke*.

Walaupun perkhidmatan Wifi Komuniti secara *Spoke* telah dihentikan setelah kawasan-kawasan tersebut telah mempunyai perkhidmatan jalur

lebar mudah alih 4G yang lebih berkualiti. Pakej Jalur Lebar Perpaduan/Pakej Rahmah diperkenalkan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan. Wifi Komuniti di sekitar kawasan PEDi masih tetap boleh dinikmati oleh komuniti setempat. Tambahan pula, di PEDi juga disediakan tablet untuk dipinjam oleh pengunjung sekiranya semua komputer terminal digunakan pada masa itu.

Sehubungan itu, MCMC akan terus berusaha untuk menyediakan perkhidmatan Internet yang berkualiti demi kemajuan pendidikan dan pembangunan komuniti di Sabah.



PARA pelajar sedang menghadiri kursus ICT di Pusat Ekonomi Digital (PEDi).

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV